KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

KERAJAAN PERUNTUK RM60.6 JUTA UNTUK RENJER KOMUNITI SEMENANJUNG MALAYSIA

Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM60.6 juta bagi pelantikan 1,950 Renjer Komuniti di Semenanjung Malaysia untuk tahun 2026, sebagai usaha memperkukuh komitmen negara dalam membanteras jenayah biodiversiti negara.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, berkata inisiatif itu merupakan sebahagian daripada peruntukan RM80.8 juta di bawah Belanjawan 2026 bagi melantik seramai 2,500 Renjer Komuniti di seluruh negara menerusi Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3).

Menurut beliau, peranan Renjer Komuniti amat kritikal memandangkan kemahiran mereka dalam selok-belok hutan membantu pihak berkuasa membanteras pencerobohan, pembalakan haram dan pemburuan haram yang mengancam kelestarian alam.

Bagi negeri Johor, seramai 159 orang Renjer Komuniti terdiri daripada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM), komuniti Orang Asli, dan penduduk tempatan akan ditempatkan di 14 buah pos kawalan bagi memastikan hutan dipantau dengan lebih rapi. Renjer Komuniti ini adalah barisan hadapan dan 'perisai negara' dalam rimba yang memastikan spesies ikonik seperti Harimau Malaya dan gajah terus membiak dengan selamat di habitat asal mereka.

Selain pelantikan renjer, NRES turut memberikan tumpuan kepada Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang melibatkan kerjasama strategik antara PERHILITAN, PDRM, dan pelbagai agensi penguatkuasaan. Sejak tahun 2019 sehingga 2025, pelaksanaan OBK telah berjaya menumpaskan lebih 3,000 kegiatan pencerobohan dengan nilai sitaan terkumpul berjumlah RM413.1 juta di seluruh negara.

Di peringkat negeri, Johor telah menerima peruntukan Insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (EFT) berjumlah RM57.7 juta bagi tempoh 2019 hingga 2025, yang merupakan antara yang tertinggi di Malaysia.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Tuan Ling Tian Soon berkata Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Khas (Taskforce) Konflik Manusia dan Gajah Negeri Johor melaksanakan pelbagai usaha dalam menguruskan konflik manusia dan hidupan liar termasuklah pelaksanaan Ops Translokasi Gajah di Daerah Kluang serta pembangunan foodbank gajah yang melibatkan kerjasama Kerajaan, syarikat perladangan swasta, FGV, dan JPSM.

Majlis yang berlangsung di Dataran Ledang, Tangkak ini turut menyaksikan acara pelepasan pasukan OBK sebagai simbolik ketegasan kerajaan dalam memerangi pemburuan haram dan pencerobohan hutan. Arthur menegaskan bahawa mesej kerajaan adalah jelas iaitu tidak akan bertolak ansur dengan penjenayah biodiversiti dan akan terus menggembleng tenaga bersama Kerajaan Negeri demi menjaga khazanah negara untuk warisan generasi masa hadapan.

Turut hadir YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh, Timbalan Menteri; YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan PERHILITAN; YM Ungku Suzana binti Ungku Mohammad, Pegawai Daerah Tangkak; pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor; serta wakil jabatan/ agensi/ badan korporat/ badan bukan kerajaan yang berkaitan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
12 MAC 2026

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763